*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 24 NOVEMBER 2017

1. Penternak digesa tingkat pengeluaran; Berita harian
2. Belum Cukup; Harian Metro
3. Serah aje pada Kami; Harian Metro
4. Temporary home for pets; The Star

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| [x] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL | [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL |
| [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR | [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR |
| [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO | [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO |
| [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAIT TIME | [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAIT TIME |
| [ ] THE SUN | [ ] SUNDAY STAR | [ ] THE SUN | |
| **RUANGAN : Isu** | **M/SURAT:** 8 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| [ ] DASAR JABATAN | [x] IMPORT EKSPORT | [ ] SISTEM KUALITI | [ ] PELBAGAI |
| [ ] KESIHATAN AWAM | [ ] KAWALAN PENYAKIT | [ ] PENGUATKUASAAN | |
| [ ] KEBAJIKAN HAIWAN | [ ] TEKNOLOGI VETERINAR | [ ] ADUAN | |

**TARIKH**

24 November 2017

# Penternak digesa tingkat pengeluaran

- Malaysia sasar eksport 30 peratus ayam pedaging menjelang 2030

**Oleh Ifwan Tun Tuah**
ifwan@bh.com.my

Rembau

Syarikat penternakan ayam pedaging digesa meningkatkan pengeluaran supaya Malaysia menjadi pengeksport utama untuk pasaran halal dunia selain memperkukuhkan jaminan keselamatan makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Malaysia ketika ini sudah pun menjadi pengeksport di ASEAN dengan pengeluaran 1.5 juta ayam sehari, namun hanya tujuh peratus sahaja dieksport.

Beliau berkata, Malaysia menyasarkan untuk mengeksport sekurang-kurangnya 30 peratus ayam pedaging menjelang 2030.

**Lebihi keperluan**

"Kita (ketika ini) mengeluarkan melebihi keperluan dalam negara, iaitu 182 peratus, namun belum cukup untuk menjadi pengeksport yang besar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan kilang pemprosesan ayam pedaging Hy-Fresh Albarakah Food Industries Sdn Bhd di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Pengasas Kumpulan Hy-Fresh, Datuk Seri Pua Tian Song dan Pengerusi Eksekutif Hy-Fresh Albarakah Food Industries Sdn Bhd, Datuk Mohd Tahir Picho.

Ahmad Zahid juga meminta syarikat penternakan besar merangka strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah harga bekalan makanan ayam yang tidak menentu disebabkan bergantung kepada pasaran dunia.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]



***Ahmad Zahid bersama Mohamad (empat dari kiri) menandatangani plak perasmian** kilang pemprosesan ayam Hy- Fresh Albarakah Food Industries Sdn Bhd di Pedas Halal Pedas, Rembau, semalam.*

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ☑ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Tengah** | **M/SURAT:** 69 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☑ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☐ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ☐ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

24 November 2017



# 'Belum cukup'

**Pengeluaran perkapita ayam pedaging kita masih rendah**

Alias Abd Rani
lias@hmetro.com.my



AHMAD Zahid (tiga dari kiri) melawat kilang pemprosesan ayam Hy-Fresh di Pedas Halal Park, semalam.

**Rembau**

Pengeluaran perkapita ayam pedaging di negara ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, secara perbandingan Thailand dan Indonesia masing-masing mengeluarkan 11.6 kilogram (kg) dan 6kg berbanding Malaysia.

Beliau berkata, justeru, kilang dan penternak perlu memainkan peranan supaya pengeluaran mencapai tahap yang baik.

"Kami tahu apa yang dilakukan adalah sebahagian daripada jaminan keselamatan makanan bukan saja pengeluaran ayam, malah memberi sumber protein termurah kepada rakyat di negara ini.

"Malah, rekod menunjukkan tahap kecukupan ayam pedaging adalah 128 peratus dengan meyumbang 75 peratus daripada pasaran keseluruhan bernilai RM10 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kilang Pemprosesan Ayam Pedaging Hy-Fresh Group of Companies di Pedas Halal Park di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan, Pengerusi Eksekutif Hy-Fresh Al-Barakah Food Industries Sdn Bhd Datuk Mohd Tahir Picho.

Kumpulan Hy-Fresh ada tiga kilang pemprosesan termasuk terbaru di Rembau yang mula beroperasi akhir tahun lalu.

Malah, kilang itu mempunyai fasiliti penyembelihan dan mampu memproses 150,000 ayam sehari, selain memiliki 12 bilik sejuk beku yang boleh memuatkan 6,000 tan metrik ayam.

Pada masa sama, semua kilang milik Hy-Fresh disahkan halal dan mendapat pengesahan serta pengiktirafan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) daripada Jabatan Veterinar Malaysia.

Dalam pada itu, Dr Ahmad Zahid berkata, jumlah pengeluaran ayam di negara ini direkodkan 1.5 juta sehari, namun hanya tujuh peratus dieksport.

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE MALAY MAIL |
| ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ THE STAR |
| ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO | ☐ SINAR HARIAN | ☐ KOSMO |
| ✓ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME | ☐ HARIAN METRO | ☐ NEW STRAIT TIME |
| ☐ THE SUN | ☐ SUNDAY STAR | ☐ THE SUN | |
| **RUANGAN : Setempat** | **M/SURAT:** 54 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| ☐ DASAR JABATAN | ☐ IMPORT EKSPORT | ☐ SISTEM KUALITI | ☐ PELBAGAI |
| ☐ KESIHATAN AWAM | ☐ KAWALAN PENYAKIT | ☐ PENGUATKUASAAN | |
| ✓ KEBAJIKAN HAIWAN | ☐ TEKNOLOGI VETERINAR | ☐ ADUAN | |

**TARIKH**

24 November 2017





SEBAHAGIAN 81 kucing yang dihantar di PUSTAWAN.

# Serah aje pada kami!

■ *MBSA lancar kempen kawal gangguan anjing, kucing*

Faliq Lajim
hmetroshahalam@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Statistik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mendapati jumlah aduan mengenai gangguan anjing dan kucing di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun lalu.

Sepanjang tempoh Januari hingga bulan lalu, 1,635 aduan direkodkan berbanding 1,152 kes pada tahun lalu.

Pegawai Jabatan Kesihatan Persekitaran MBSA, Nur Hidayah Abd Razak berkata, peningkatan itu menyebabkan pihaknya melancarkan Kempen Penyerahan Haiwan Peliharaan (Anjing/Kucing) bermula 20 November hingga 18 Mei depan.

"Setakat semalam (kelmarin), kita menerima 81 kucing daripada orang awam yang tidak lagi mampu menjaga haiwan peliharan mereka.

"Kebanyakan mereka menyayangi haiwan itu, namun tidak mahu mengambil jalan mudah dengan cara melepaskannya ke lokasi tumpuan awam seperti pasar dan kedai makan. Jadi, mereka menyerahkan kepada MBSA untuk tindakan lanjut," katanya ditemui di Pusat Tahanan Sementara Haiwan (PUSTAWAN), Seksyen 17, di sini, semalam.

> **Kita mengumpulkan haiwan peliharaan yang tidak lagi diingini pemiliknya atas faktor tertentu dan ia hanya percuma sepanjang tempoh kempen"**
> *Nur Hidayah Abd Razak*

Beliau berkata, kempen itu antara inisiatif pihaknya mengawal peningkatan populasi kucing dan anjing yang berkeliaran di kawasan pentadbiran MBSA.

"Kita mengumpulkan haiwan peliharaan yang tidak lagi diingini pemiliknya atas faktor tertentu dan ia hanya percuma sepanjang tempoh kempen.

"Semua haiwan itu akan diserahkan kepada pusat kebajikan haiwan terpilih atau individu untuk dijaga. MBSA akan menanggung kos rawatan seperti vaksin, pemandulan dan rawatan bagi haiwan sakit," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut merancang menjadikan semua kucing sebagai 'keluarga angkat', namun hanya selepas selesai proses vaksin, pemandulan dan kesihatan berada pada tahap terbaik.

Sementara itu, Norazlina Abu Kassim, 41, yang menghantar tiga kucing miliknya ke PUSTAWAN berkata, dia bukan sengaja tidak mahu membela haiwan berkenaan, namun mempunyai masalah kediaman.

"Rumah saya jenis pangsapuri dan saiz yang kecil mengehadkan pergerakan kucing yang kebanyakan masanya hanya berada dalam sangkar. Saya terpaksa menghantar kucing itu kerana mempunyai seekor lagi kucing sedang bunting," katanya.

